

27 SEP 1999

Mahathir-Pelancongan

INDUSTRI PELANCONGAN PERLUKAN DANA UNTUK TARIK PELANCONG AMERIKA

Oleh: Amin Husaini Harun

NEW YORK, 27 Sept (Bernama) -- Malaysia boleh menjangka untuk melihat lebih ramai pelancong Amerika Syarikat melawat negara itu berikutan adanya minat peribadi yang ditunjukkan oleh perdana menteri sendiri dalam bidang pelancongan, kata seorang pengusaha pelancongan terkemuka di sini.

Sambil berkata minat yang ditunjukkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai "jarang" ditonjolkan oleh ketua-ketua kerajaan, presiden Persatuan Pengusaha Pelancongan Amerika Syarikat Robert E. Whitley berkata perdana menteri telah menyatakan keperluan untuk mewujudkan dana antara Malaysia dan Amerika Syarikat dalam mempromosikan Malaysia di Amerika Syarikat.

Dr Mahathir mengadakan pertemuan kira-kira sejam dengan beberapa pemimpin industri pelancongan Amerika di sini Isnin, iaitu hari kedua lawatan empat hari beliau ke Amerika Syarikat.

Bercakap kepada media Malaysia selepas pertemuan itu, Whitley berkata jumlah 80,000 pelancong Amerika yang melawat Malaysia setiap tahun dapat digandakan jika lebih banyak promosi dilakukan secara bersama oleh industri pelancongan kedua-dua negara.

Beliau berkata Malaysia mempunyai dua kekuatan yang boleh menarik pelancong Amerika, iaitu rakyatnya yang mesra dan sumber semula jadi negara itu.

Whitley berkata infrastruktur pelancongan Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia dan kadar penginapan hotelnya sangat kompetitif.

Beliau berkata bagaimanapun, jarak di antara kedua-dua negara merupakan satu halangan yang dilihat oleh persatuan itu.

Dengan promosi yang agresif, persepsi itu dapat diatasi, katanya.

Beliau berharap media massa boleh membantu industri itu dengan mempromosikan peristiwa-peristiwa penting dan destinasi utama di Malaysia sebagai usaha berterusan untuk memperluaskan lagi industri pelancongan itu.

Naib Presiden Kanan Northwest Airlines Douglas C. Birdsall berkata syarikatnya baru-baru ini menandatangani satu perjanjian dengan Penerbangan Malaysia untuk mempromosikan industri pelancongan di Malaysia.

Beliau berkata industri itu di Malaysia adalah mesra pengguna kepada rakyat Amerika dan dengan jalinan kerjasama yang erat lebih ramai pelancong dari Amerika Syarikat akan datang mengunjungi Malaysia di masa hadapan.

-- BERNAMA

AHH NAK AKD